

Pemahaman Teks**Praktis PT3 Puisi Tradisional – Syair Nasihat Penghujung Thamarat al-Muhimmah**

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|--|---|
| 1 Tamatlah kitab dikarang orang,
akalnya pendek ilmunya kurang,
daripada sangat hajatku gerang,
diperbuat juga sebarang-barang. | 4 Ayuhai anakanda muda remaja,
jika anakanda menjadi raja,
hati yang betul hendak disahaja,
serta rajin pada bekerja. |
| 2 Melepaskan hati yang terbuka,
pengajaran kepada sekalian anakku,
mudah-mudahan betul tingkah dan laku,
perangai yang baik biar terpaku. | 5 Kerja kebajikan janganlah malas,
zahir dan batin janganlah culas,
jernihkan hati hendaklah ikhlas,
seperti air di dalam gelas. |
| 3 Dengarkan tuan ayahanda berperai,
kepada anakanda muda bestari,
nasihat kebajikan ayahanda beri,
amalkan jangan malas dan ngeri. | 6 Menuntut ilmu janganlah segan,
ilmu yang benar jangan yang bukan,
iaitu ilmu yang kebajikan,
di kitab ini sudah disebutkan. |

- | | |
|---|--|
| <p>7 Hendaklah anakanda mengaji selalu, dari yang lain lebihkan dulu, had syarak jangan dilalu, tidaklah anakanda beroleh malu.</p> <p>8 Segala perbuatan dengan berilmu, maka kebajikan boleh bertemu, jika sebarang-barang diramu, akhirnya anakanda jatuh tersemu.</p> <p>9 Ilmu itu besar faedahnya, membezakan hak dengan batilnya, mengetahui rakyat benar salahnya, supaya dihukumkan dengan adilnya.</p> <p>10 Jika ilmu tidak diendah, sebab anakanda capak permudah, rakyat datang membawa gundah, anakanda tercengang tunduk tengadah.</p> <p>11 Hendak menghukumkan tiada tahu, hendak diam hati tak mahu, berpeluk tubuh tangan ke bahu, mengeluh mengucap mengata Allahu.</p> <p>12 Terkadang duduk mendiamkan diri, sepatah tidak mengeluarkan peri, penat duduk bangkit berdiri, lalu masuk ke dalam puri.</p> | <p>13 Orang berdakwa duduk menanti, serta dengan bersakit hati, hairan takjub tidak mengerti, sebab bicaranya belum pasti.</p> <p>14 Terkadang dihukumkan dengan biladah, bukannya syarak bukannya 'adah, ambil lekas jalan yang mudah, supaya jangan berhati gundah.</p> <p>15 Jika demikian apa jadinya, hukum tak betul dengan jalannya, di hadapan majlis diterimanya, di belakang kelak diumpatnya.</p> <p>16 Jika yang benar kita hukumkan, di belakang jangan kita hiraukan, umpat dan puji kita biarkan, kepada Allah kita saksikan.</p> <p>17 Jika anakanda jadi menteri, orang berilmu anakanda hampiri, lawan mesyuarat lawan berperai, supaya pekerjaan jadi ughari.</p> <p>18 Hendaklah periksa adabnya wazir, di dalam kitab sudah terukir, hendaklah jauhkan pekerjaan mungkir, supaya jangan jadi tergelincir.</p> |
|---|--|

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Metafora

- Perbandingan secara terus atau secara langsung.
- Perbandingan ini tidak menggunakan kata-kata seperti, umpama, bak, bagai, ibarat, dan sebagainya. Contohnya:
(a) *tenaga raksasa* (b) *berbunga merah*

Entri Kata

- **culas** – lalai
- **tersemu** – tersembam
- **wazir** – penjaga
- **mungkir** – tidak menepati janji

1. Apakah nasihat seorang ayah kepada anaknya sekiranya dilantik sebagai pemimpin berdasarkan rangkap keempat?

- A Bersikap jujur dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas
- B Bersikap berani menegakkan kebenaran berlandaskan hukum syarak

C Berbuat kebajikan tanpa mengharapkan sebarang alasan

D Rajin menuntut ilmu bagi meningkatkan kebolehan diri

2. seperti air di dalam gelas

Apakah gaya bahasa baris di atas?

- A Sinkope C Inversi
- B Simile D Responsi

3. Antara yang berikut ialah kelebihan ilmu yang terdapat dalam syair di atas, **kecuali**
- A ilmu dapat membezakan perkara yang benar dengan perkara yang salah.
 - B dengan ilmu, seseorang pemimpin dapat mengetahui sama ada rakyat salah atau betul.
 - C ilmu dapat meningkatkan keyakinan diri dan kebolehan diri pada mata rakyat.
 - D ilmu yang ada dapat menambahkan pengaruh dan kekayaan diri.

4. Antara yang berikut ialah ciri-ciri pemimpin yang ditaati rakyat, **kecuali**
- A pemimpin yang berilmu.
 - B pemimpin yang sanggup berkorban harta dan nyawa.
 - C pemimpin yang prihatin akan masalah rakyat.
 - D pemimpin yang bijak menyelesaikan masalah.

Praktis PT3 Cerpen – Banjir di Mata Emak

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saya tidak perlu banyak berbohong untuk menyambung keramahan bicaranya kerana Mak Piah lancar menyoal, dan segera menjawab pula! Daripada Nubhan, anak sulung yang sentiasa tunduk kepada isteri, sehinggalah kepada Nana, anak bongsu yang takutkan suami. Saya **merakamkan** cerita dalam lautan fikir yang masih tidak mampu menerima kenyataan bahawa masih ada manusia yang **tergamak** memisahkan anak daripada ibu tua mereka.

"Nana sihat? Anak-anak dia macam mana? Suami dia ... "

Sampai di situ, suara Mak Piah terhenti. Ya Allah, apa yang saya nak jawabkan ni?

"Fasal apa Mak Piah tak pindah ke pusat pemindahan, sama jiran-jiran?"

Allah melorongkan soal itu daripada mulut saya.

Mak Piah mengesat mata.

"Banjir dulu, pindah juga ke pusat pemindahan ... tapi susah. Mak Piah ni kencing kerap, kadang-kadang tak sempat ke bilik air. Kali ni, biarlah duduk di rumah. Daripada sakit telinga dengar umpat caci orang, lebih baik menahan lapar di rumah sendiri."

Ya Allah, beginikah saya apabila tua nanti?

"Tak apa Mak Piah, selagi banjir tak **surut**, insya-Allah, saya akan temankan Mak Piah."

Sebaik-baik terluncur perkataan terakhir daripada mulut saya, Mak Piah menerkam memeluk ke tubuh yang telah lama tidak **didakap** ibu.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Latar

Terbahagi kepada tiga, iaitu:

- (a) *Latar tempat* – tempat berlakunya sesuatu peristiwa
- (b) *Latar masa* – masa atau tempoh sesuatu peristiwa itu berlaku
- (c) *Latar masyarakat* – kehidupan dan budaya hidup sesebuah masyarakat

Entri Kata

- **merakamkan** – mencatat
- **tergamak** – sanggup
- **caci** – keji
- **surut** – berkurangan
- **didakap** – dipeluk

1. Siapakah yang dimaksudkan oleh penulis apabila dia menyatakan bahawa dia tidak percaya bahawa masih ada orang yang sanggup memisahkan anak daripada ibu mereka?
 - A Anak sulung Mak Piah
 - B Nubhan dan adiknya, Nana
 - C Jiran tetangga Mak Piah
 - D Isteri dan suami kepada anak-anak Mak Piah
2. Mengapakah Mak Piah enggan berpindah ke pusat pemindahan banjir?
 - A Tidak mahu menyusahkan anak-anaknya
 - B Masalah kesihatan yang dialaminya
 - C Bimbang dimarahi oleh anak-anaknya
 - D Rumah Mak Piah tidak dapat dihubungi oleh anggota penyelamat
3. Antara yang berikut ialah nilai yang terdapat dalam petikan di atas, **kecuali**
 - A kasih sayang.
 - B baik hati.
 - C kejujuran.
 - D bertanggungjawab.
4. Latar tempat bagi peristiwa berdasarkan petikan cerpen di atas ialah
 - A pusat pemindahan banjir.
 - B rumah Mak Piah.
 - C rumah penulis.
 - D rumah anak Mak Piah.